PENILAIAN KURSUS **90.35%**

MELEBIH
SASARAN

PENILAIAN PENGINAPAN (CREaTE LODGE) KURSUS



PURATA %
PENILAIAN PENGINAPAN (CREaTE LODGE) KURSUS **85.54%** MELEBIHI SASARAN

PENILAIAN KHIDMAT KATERING KURSUS



	AWAM (BANGUNAN & STRUKTUR)	AWAM (JALAN & PAVEMENT)	MEKANIKAL/ R&D/INOVASI	ELEKTRIK	ARKITEK	UKUR BAHAN	BUSINESS SKILL	SMART SKILL	PURATA % PENILAIAN
JANUARI	85.18	88.65	82.82	83.72	84.59	86.55	91.44	81.34	85.54
FEBRUARI	85.32	82.75	87.84	85.26	76.39	80.38	82.63	85.67	83.28
MAC	83.70	85.85	83.36	84.87	77.30	83.72	85.07	84.00	83.48
APRIL	85.97	86.70	84.83	79.04	87.31	83.27	82.99	90.05	85.02
MEI	TIADA KURSUS	88.00	TIADA KURSUS	TIADA KURSUS	TIADA KURSUS	TIADA KURSUS	TIADA KURSUS	TIADA KURSUS	88.00
JUN	89.70	75.72	79.88	81.43	81.05	83.35	80.39	88.02	82.44
JULAI	86.14	86.40	85.73	82.63	85.48	84.96	84.16	89.46	85.62
OGOS	84.55	87.13	85.29	85.26	83.32	85.18	80.94	87.74	84.93
SEPTEMBER	87.59	81.72	86.22	86.32	85.56	89.11	70.96	83.04	83.82
OKTOBER	84.13	88.65	85.17	83.53	82.32	86.33	83.12	83.33	84.57
NOVEMBER	TIADA KURSUS	88.84	TIADA KURSUS	90.40	89.55	TIADA KURSUS	TIADA KURSUS	84.30	88.27
DISEMBER	TIADA KURSUS	TIADA KURSUS	TIADA KURSUS	TIADA KURSUS	TIADA KURSUS	TIADA KURSUS	TIADA KURSUS	TIADA KURSUS	TIADA KURSUS
PURATA % PENILAIAN	85.81	99.84	84.57	84.25	83.29	84.76	82.41	94.3	

PURATA %
PENILAIAN KHIDMAT KATERING KURSUS **85.00%** MENCAPAI SASARAN

PENILAIAN KEMUDAHAN FASILITI KURSUS




	AWAM (BANGUNAN & STRUKTUR)	AWAM (JALAN & PAVEMENT)	MEKANIKAL/R&D/INOVASI	ELEKTRIK	ARKITEK	UKUR BAHAN	BUSINESS SKILL	SMART SKILL	PURATA % PENILAIAN
JANUARI	91.30	91.95	89.20	90.94	91.20	92.78	94.24	86.00	90.95
FEBRUARI	88.91	90.97	92.06	90.20	95.71	93.80	87.64	89.98	91.16
MAR	86.86	90.38	85.79	90.02	88.05	92.42	90.08	90.83	89.30
APRIL	90.86	90.91	89.18	89.57	91.61	91.17	88.22	93.45	90.62
MEI	TIADA KURSUS	91.50	92.50	TIADA KURSUS	TIADA KURSUS	94.90	TIADA KURSUS	TIADA KURSUS	92.97
JUN	90.48	93.38	88.97	88.56	88.20	88.58	90.55	90.88	89.95
JULAI	89.41	91.88	91.09	91.44	88.71	91.78	89.78	90.05	90.52
OGOS	89.39	91.64	89.34	90.73	90.69	90.64	87.53	89.72	89.96
SEPTEMBER	89.85	90.13	92.21	90.95	91.78	92.73	87.75	86.30	90.21
OKTOBER	88.52	92.89	90.26	91.93	90.87	92.27	89.54	86.38	90.33
NOVEMBER	TIADA KURSUS	89.72	TIADA KURSUS	92.67	92.98	TIADA KURSUS	TIADA KURSUS	83.25	89.66
DISEMBER	TIADA KURSUS	TIADA KURSUS	TIADA KURSUS	TIADA KURSUS	TIADA KURSUS	TIADA KURSUS	TIADA KURSUS	TIADA KURSUS	TIADA KURSUS
PURATA % PENILAIAN	89.51	91.40	90.06	90.70	90.98	92.11	89.49	88.68	

PURATA %
PENILAIAN KEMUDAHAN FASILITI KURSUS **90.51%**

MELEBIHI
SASARAN

PENILAIAN TENAGA PENGAJAR / FASILITATOR KURSUS



PURATA %
PENILAIAN TENAGA PENGAJAR / FASILITATOR KURSUS **92.81%** MELEBIHI SASARAN





SEMINAR BKPAK & BIPPK

PUSAT KECEMERLANGAN KEJURUTERAAN
DAN TEKNOLOGI JKR (CREaTE)



Civil CORE 2019

Civil CORE 2019 ini merupakan sebahagian daripada inisiatif dan program untuk Jurutera Awam di JKR Malaysia dengan objektif seperti berikut :

- i. Menjadi asas kepada seluruh Jurutera Awam dalam memperkuatkukuhkan pengetahuan dalam bidang kejuruteraan awam.
- ii. Melahirkan Jurutera Awam yang berdaya saing dengan melibatkan diri dengan kajian kejuruteraan awam.
- iii. Menjadi platform kepada seluruh warga Jurutera Awam JKR dalam membuat pembentangan kertas kerja atau hasil kajian.
- iv. Menjadi medan meningkatkan keyakinan diri dalam mendepani cabaran bidang kejuruteraan dengan mengenangkan hasil kajian.
- v. Menggalakkan budaya perkongsian ilmu dan kajian dalam kerja dan tugas sehari-hari demi menjaga status profesion kejuruteraan dan organisasi.

**7 Mac 2019
Dewan CREaTE**





Electrical Engineering Conference (EnCon'19)

Seminar yang bertajuk ‘Powering Project Delivery’ ini merupakan kelolaan bersama antara Cawangan Kejuruteraan Elektrik, JKR dan CREaTE. Seminar ini bertujuan memberi pendedahan dan penerangan kepada warga JKR tentang pentingnya menyerahkan projek yang dilaksanakan mempunyai hasil yang diluar jangkaan kepada pihak pelanggan. Seminar ini dibentangkan oleh panel penceramah yang berkelayakan, antaranya Angkasawan Negara, YBhg. Dato’ Dr. Sheikh Muszaphar Shukor Al Masrie bin Sheikh Mustapha.

**9 - 10 Oktober 2019
Dewan CREaTE**



Seminar Bailey Bridge: The Unsung Heroes

Seminar yang julung-julung kali diadakan ini telah menghimpunkan semua pasukan Bailey Bridge (dedicated team) dari semua JKR Negeri. Seminar selama 2 hari ini juga telah menjadi satu platform kepada pasukan Bailey Bridge di setiap JKR Negeri untuk berinteraksi bersama TKPKR Infra dan pembekal jambatan MABEY.

19 - 20 Oktober 2019
Dewan CREaTE







KAJIAN LAPANGAN & LAWATAN TAPAK

PUSAT KECEMERLANGAN KEJURUTERAAN
DAN TEKNOLOGI JKR (CREaTE)



Lawatan Pengarah Kanan CREaTE ke tapak kajian Makmal Penyelidikan Jalan di

KOTA BHARU, RAUB, TEMERLOH, KEMAMAN DAN BATANG PADANG

**2-5 Januari 2019
MAKMAL PENYELIDIKAN INFRA
(JALAN & PAVMEN), BIPPK**



LAWATAN CREaTE JKR DAN SYARIKAT KONSESI IPSB KE JKJP MELAKA (DOSH)

**2 Disember 2019
BAHAGIAN PENGURUSAN ASET DAN FASILITI (BPAF)**



1. Seramai 7 pegawai (5 dari CREaTE JKR dan 2 dari IPSB) telah sama-sama menyertai lawatan ini.
2. Tujuan lawatan ini adalah bagi pengesahan pendaftaran dan pemilikan bangunan, pengecualian bagi jentera Overhead Traveling Crane.

LAWATAN TEKNIKAL KE PUSAT PENYELIDIKAN TANAH LEMBUT (RECESS) UTHM

**27 Mac 2019
MAKMAL PENYELIDIKAN GEOTEKNIK, BIPPK**

Perbincangan kolaborasi dan mendapatkan maklumat senarai peralatan ujian-ujian yang terdapat di RECESS UTHM.



JELAJAH FTROADPEDIA ZON TIMUR 2.0

**02, 14-15 Februari 2019
MAKMAL PENYELIDIKAN INFRA
(JALAN & PAVMEN), BIPPK**

Taklimat kepada YB Menteri Kerja Raya sempena lawatan delegasi Jelajah FTRoadpedia Zon Timur 2.0 2019 ke tapak kajian Makmal Penyelidikan Jalan di Kemaman pada 14.2.2019 dan di Temerloh pada 15.2.2019.



LAWATAN KERJA: ADVANCED TECHNOLOGY TRAINING CENTER, ADTEC

**4 September 2019
UNIT ELEKTRIK, BKPAK**

Lawatan yang dijalankan bersama Unit Elektrik BKPAK dan BIPPK bagi mendapatkan pendedahan mengenai pengurusan dan keperluan bengkel amali yang mesti dipenuhi untuk mendapatkan pengiktirafan dari pihak Suruhajaya Tenaga untuk kebenaran mengadakan Kursus Kekompetenan Penjaga Jentera A4 di CREaTE, JKR. Lawatan juga membincangkan usahasama yang boleh digerapkan antara ADTEC dan CREaTE, JKR.



Lawatan Teknikal Ke Makmal Lafarge Dan Institut Metrologi Kebangsaan Malaysia

**9 Januari 2019
dan 22 Januari 2019
Makmal Penyelidikan Struktur,
BIPPK**

Objektif utama lawatan ini adalah untuk:

- i. Mendapatkan khidmat nasihat ke arah persediaan CREaTE memperolehi sijil akreditasi.
- ii. Berkongsi idea berkaitan *Lab Management System* yang dipraktiskan.
- iii. Perbincangan pelaksanaan *Interlab Comparison (ILC)* bagi memenuhi keperluan MS ISO/IEC 17025:2017.
- iv. Perbincangan berkaitan kalibrasi peralatan makmal.

EKSPLORASI TEKNIKAL KONSERVASI PULAU PINANG, NEGERI SEMBILAN DAN PERAK

1 - 2

April 2019

MAKMAL PENYELIDIKAN SENIBINA, BIPPK

Explorasi Teknikal Konservasi CREaTE ini adalah lawatan teknikal konservasi ke bangunan-bangunan warisan seperti Istana Lama Seri Menanti, Istana Kenangan, Jambatan Victoria, Masjid Insaniah Iskandariah, Masjid Ubudiah, Kellie's Castle, George Town World Heritage Incorporated (GTWHI), makmal bahan Universiti Sains Malaysia dan Boutique Hotel Royale Chulan, Pulau Pinang. Lawatan ini mendedahkan

pegawai JKR kepada pemahaman kerja konservasi di tapak projek amalan teknikal kerja konservasi oleh agensi luar, mewujudkan hubungan rangkaian (*networking*) dengan semua agensi dari segi perancangan, pelaksanaan dan penyediaan kemudahan fasiliti kerja konservasi, memahami dan memberi pendedahan kepada pegawai JKR mengenai pengujian bahan bagi tujuan pemuliharaan.



Lawatan ke Makmal Bahan Kayu, konkrit dan makmal bahan Fakulti Senibina, Universiti Sains Malaysia



Lawatan ke Jambatan Victoria, Perak



Penerangan oleh GTWHI berkenaan tujuan, fungsi, kekepalaran dan aktiviti yang telah diadakan oleh GTWHI untuk pembangunan konservasi bangunan dan kawasan setempat di Pulau Pinang



Penerangan oleh Konservator projek naiktaraf Istana Kenangan, Perak



Heritage Trail sekitar bandar Georgetown, Pulau Pinang

LAWATAN INDUSTRI KE SCANIA (MALAYSIA) SDN BHD

19 Ogos 2019
UNIT MEKANIKAL, BKPAK

Lawatan ini adalah untuk memberi pendedahan kepada pegawai Unit Mekanikal , BKPAK tentang proses dan piawaian yang digunakan di SCANIA, Pengurusan 'warehouse' dan memberi pendedahan secara tidak langsung kepada pengendalian Operasi Workshop, Front Counter, Scania Assistance dan Training Area yang dipraktiskan di SCANIA (Malaysia) Sdn Bhd Shah Alam.



LAWATAN KERJA:
INSTITUT LATIHAN
SULTAN AHMAD
SHAH,ILSAS BANGI
- TNB Intergrated
Learning Solution

27 Jun 2019
UNIT ELEKTRIK, BKPAK

Lawatan yang dihadiri oleh Unit Elektrik BKPAK dan BIPPK bertujuan untuk bertukar idea dan 'way forward' serta cara berkolaborasi antara TNB dan CREaTE JKR.



LAWATAN KERJA KE LAWATAN KERJA Ke Kementerian Perdagangan Antarabangsa (MITI)

**16 Julai 2019
BAHAGIAN PENGURUSAN ASET DAN FASILITI (BPAF)**

Tujuan utama lawatan ini adalah bagi melihat dan berkongsi pengalaman berkaitan pengurusan dan tadbir urus 'Facility Management' (FM) bangunan MITI oleh syarikat konsesi Putrajaya Holding Sdn. Bhd.



LAWATAN LESTARI KE JOHOR

**4 - 5 November 2019
MAKMAL PENYELIDIKAN SENIBINA BIPPK**



Peserta berjalan sehingga ke hujung semenanjung Asia disertai penerangan oleh wakil Perbadanan Taman Negara Johor.

Lawatan ini adalah salah satu usaha meningkatkan pemahaman prinsip kelestarian dalam pemuliharaan alam semulajadi, reka bentuk bangunan dan reka bentuk bandar dengan memberi pendedahan kepada pegawai JKR. Lawatan ke Tanjung Piai adalah untuk mempelajari prinsip kelestarian dalam pemuliharaan alam semulajadi serta kepentingan memulihara alam semulajadi, terutamanya hutan bakau. Lawatan ke Forest City Johor adalah untuk mengenali reka bentuk bangunan dan reka bentuk bandar yang mengamalkan pembangunan mampan (*sustainable development*). Manakala, lawatan ke Galeri Glulam Johor Bahru adalah untuk meningkat pemahaman mengenai teknologi *glue laminated timber* (Glulam) iaitu salah satu teknologi pembinaan mampan. Lawatan ke Masjid Daeng Abdul Rahman adalah untuk meningkatkan pemahaman reka bentuk lestari yang boleh diterapkan dalam bangunan awam seperti masjid.



Forest City Johor | Galeri Glulam | Masjid | Daeng Abdul Rahman | Tanjung Piai



Peserta bergambar bersama wakil pemaju Forest City Johor selepas taklimat mengenai Forest City.





KNOWLEDGE SHARING

PUSAT KECEMERLANGAN KEJURUTERAAN
DAN TEKNOLOGI JKR (CREaTE)

**Knowledge sharing berkaitan penyelidikan, penurapan dan penyenggaraan jalan bersama Belati Wangsa Sdn. Bhd. di Ipoh, Perak
1 MAC 2019.**



**Knowledge sharing berkaitan penyelidikan jalan sempena lawatan Edgenta PROPEL Berhad ke Makmal Penyelidikan Infra (Jalan & Pavmen), BIPPK
15 MAC 2019**



**Knowledge sharing sempena lawatan Lembaga Getah Malaysia ke tapak kajian cup lump modified asphalt (CMA) di Tampin
5 APRIL 2019
dan di Baling
25 APRIL 2019**



Lawatan di tapak kajian di Tampin.

Knowledge sharing berkaitan pelaksanaan kajian plastic asphalt dan warm mix asphalt sempena lawatan Kementerian Kerja Raya ke tapak kajian di Tangkak, Johor

22 NOVEMBER 2019



Knowledge sharing berkaitan penyelidikan dan ujian makmal jalan sempena lawatan pelajar Universiti Putra Malaysia (UPM) ke Makmal Penyelidikan Infra (Jalan & Pavmen), BIPPK

8 DISEMBER 2019.



Knowledge sharing berkaitan turapan alternatif sempena lawatan Kementerian Kewangan ke Makmal Penyelidikan Infra (Jalan & Pavmen), BIPPK
10 DISEMBER 2019

Knowledge sharing berkaitan jenis-jenis asphalt dan tekstur permukaan jalan sempena lawatan Malaysian Institute of Road Safety Research (MIROS) ke Makmal Penyelidikan Infra (Jalan & Pavmen), BIPPK

8 APRIL 2019



8 APRIL 2019 8 JANUARI 2019



Demonstrasi ujian makmal ke atas bitumen, aggregate dan asphalt bagi kursus kompetensi penyelia penyenggaraan jalan dan jambatan oleh Makmal Penyelidikan Infra (Jalan & Pavmen), BIPPK

16 APRIL 2019



Knowledge sharing berkaitan penyelidikan jalan sempena lawatan THB Maintenance Sdn. Bhd. ke Makmal Penyelidikan Infra (Jalan & Pavmen), BIPPK pada

25 JULAI 2019



**Knowledge sharing berkaitan turapan crumb rubber modified asphalt, natural rubber modified asphalt dan micro-surfacing bersama JKR Kedah dan THB Maintenance Sdn. Bhd. termasuk lawatan ke ‘jalan marble’ di Langkawi
4 SEPTEMBER 2019**



**Knowledge sharing berkaitan asphalt interlayer bonding bersama JKR Perak di Ipoh
8 OKTOBER 2019**



**Knowledge sharing on Bamboo as Soft Soil Improvement for Embankment Construction – Makmal Penyelidikan Geoteknik, BIPPK
29 APRIL 2019**
Bilik Mesyuarat Inspira, CREaTE



Perkongsian dan pembentangan berkaitan kajian berkaitan buluh yang telah dilaksanakan oleh UTM di bawah Prof. Dr. Aminaton Marto dan En Bakhtiar.

Knowledge sharing berkaitan ujian makmal dan lapangan sempena lawatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) ke Makmal Penyelidikan Infra (Jalan & Pavmen), BIPPK 2 OGOS 2019.



Knowledge sharing berkaitan penyelidikan jalan sempena lawatan Selia Selenggara Engineering Sdn. Bhd. ke Makmal Penyelidikan Infra (Jalan & Pavmen), BIPPK 15 OGOS 2019.



Knowledge sharing berkaitan turapan micro-surfacing bersama JKR Kedah dan THB Maintenance Sdn. Bhd. di Langkawi 4 SEPTEMBER 2019.



Perbincangan dengan pihak Fakulti Alam Bina & Ukur Bahan dan KALAM UTM Potensi Kajian Kolaborasi bagi Kajian Dokumentasi Seni Bina Terhadap Bangunan-bangunan JKR Era British : Ke Arah Pembangunan Arkib Teknikal JKR

**JANUARI - OGOS 2019
Makmal Penyelidikan Senibina, BIPPK, CREaTE dan UTM, Johor**

Beberapa siri perbincangan telah diadakan dengan wakil KALAM, UTM Johor untuk potensi kajian, skop, metodologi dan penyediaan kertas cadangan kajian secara kolaboratif serta penetapan jenis bangunan yang ingin dikaji. Namun, terdapat pertukaran Ketua Penyelidik JKR dan hasil perbincangan lanjut dengan pihak UTM kerana telah menyebabkan terdapat pindaan tajuk dan halatuju kajian kolaboratif. Seterusnya, satu lawatan ke FABU dan KALAM telah diadakan pada 8 Ogos 2019 untuk melihat fasiliti FABU dan KALAM, tatacara kerja penyelidikan, cadangan produk, pasukan penyelidik, dan perbincangan MOA/MOU.



Program Latihan Pengungsian Bangunan (Fire Drill)

**Unit Komunikasi Korporat
dan Pusat Sumber, BPK**

**19 FEBRUARI 2020
Di Sekitar CREaTE**

Tujuan program diadakan bagi memastikan penghuni-penghuni boleh bertindak dengan tenang dan teratur jika berlakunya kebakaran. Di samping itu program ini memberi pendedahan petugas yang dilantik dapat menjalankan tugas dengan sempurna dan mengikut prosedur. Program ini juga dapat menguji keupayaan bertindak serta keberkesanannya alat-alat kebombaan pada sesbuah bangunan.



Bengkel Pengurusan Persiapan Terakhir UNIT BANGUNAN & STRUKTUR, BKPAK

**22 Mei 2019
Bilik Kuliah Al-Farabi, Aras 1, Blok A,
CREaTE**

Bengkel diadakan bertujuan untuk meningkatkan kefahaman kakitangan di CREaTE tentang tatacara pengurusan jenazah yang merupakan satu tuntutan fardu kifayah ke atas umat Islam serta memberi pendedahan secara teori dan praktikal kepada para peserta tentang kaedah menguruskan jenazah (lelaki dan perempuan) yang tepat dan seiring dengan syariat Islam.

Kursus Asas Auditor Sistem Pengurusan Bersepadu (SPB)

Unit Komunikasi Korporat dan Pusat Sumber BPK

Bilik Kuliah
Al-Khawarizmi, CREaTE

18-19 Februari 2019

- Memahami konsep audit, objektif dan jenis-jenis audit.
- Memahami tanggungjawab auditor.
- Memahami proses Audit Dalam.
- Merancang, melaksana dan menyediakan laporan audit.
- Mengambil bahagian dalam proses peningkatan dan penambahbaikan kualiti.



Kursus pengendalian peralataan ujian lapangan jalan secara hands-on

PROGRAM RAMADHAN
Kursus 'Capture Moment Thru Photography'

UNIT ARKITEK, BKPAK

21 Mei 2019
Bilik Kuliah Al-Farabi, CREaTE



Kursus diadakan bertujuan sebagai pendedahan asas kepada staf BKPAK tentang penggunaan dan pengendalian aplikasi camera smart phone dan juga DSLR. Tujuan asas pendedahan ini adalah bagi memudahkan staf BKPAK mengambil gambar aktiviti BKPAK untuk dijadikan rujukan penyediaan Laporan dll. Gambar yang jelas dan cantik menghasilkan laporan yang lebih berkualiti.

Bengkel Pengaturcaraan Laravel

Unit ICT, BPK dengan kerjasama Unit Elektrik, BKPAK telah menganjurkan **Bengkel Pengaturcaraan Laravel** yang dihadiri seramai 16 orang Peserta. Penceramah bengkel tersebut ialah En Ahmad Farid Bin Hamzah.



11 Februari - 14 Februari 2019
**Makmal Komputer Terabyte, Aras 4,
Blok A, CREaTE, JKR.**

- 1) Memberi kemahiran asas dan pertengahan dalam pengaturcaraan Php Laravel Framework dan MySQL.
- 2) Memberi kemahiran dan pengetahuan tentang kaedah dan teknik pembangunan sistem berdasarkan Php Laravel Framework.
- 3) Memberi pendedahan tentang penggunaan PHP MVC (Model-View-Controller) Framework untuk rapid development bagi memudahkan penyelenggaraan sistem sedia ada dan pembangunan sesebuah laman web/sistem baru.

6 hingga 8 Oktober 2019
Avillion Port Dickson,
Negeri Sembilan

Tujuan kursus adalah bagi meningkatkan ilmu dan nilai, serta kemahiran kepimpinan pegawai kanan CREaTE sesuai dengan fungsi dan halatuju baharu organisasi. Objektif utama CREaTE's Leadership Course 2019 adalah untuk mempersiapkan pegawai kanan CREaTE dengan kemahiran kepimpinan inovatif sebagai tambahan kepada kemahiran kepimpinan di dalam bidang teknikal.

CREaTE's Leadership Course 2019



Mesyuarat Sumbang Saran Potensi Topik Penyelidikan JKR untuk Tahun 2020-2022



**31 Julai hingga 2 Ogos 2019
Hotel Royale Chulan, Seremban**

Objektif Mesyuarat Sumbang Saran Potensi Topik Penyelidikan JKR untuk Tahun 2020-2022 adalah untuk menjana senarai tajuk penyelidikan gunaan (*applied research*) yang berimpak tinggi untuk dilaksanakan oleh penyelidik JKR. Dengan ini, penyelidikan dan pembangunan kejuruteraan di JKR dapat memperbaiki penyampaian dan meningkatkan mutu perkhidmatan jabatan.

**Perlaksanaan
“Penaksiran
Risiko Bahan
Kimia Kepada
Kesihatan
(CHRA)”**
oleh NIOSH
Unit Komunikasi Korporat
dan Pusat Sumber, BPK

Tujuan perlaksanaan CHRA adalah untuk mentafsir risiko terhadap bahan kimia yang digunakan di tempat kerja untuk mengenal pasti, menilai dan mengawal sebarang risiko yang berkaitan dengan aktiviti yang melibatkan penggunaan bahan kimia.

**14 Oktober 2019
Blok-Blok Makmal
di CREaTE**





KURSUS POL JKR

PUSAT KECEMERLANGAN KEJURUTERAAN
DAN TEKNOLOGI JKR (CREaTE)

Kursus Concrete: Materials, Durability And Deterioration

Kursus ini bertujuan meningkatkan pengetahuan tentang bahan-bahan konkrit, sifat-sifat konkrit, ujian-ujian ke atas konkrit dan mengenalpasti punca serta cara pemberian kerosakan pada konkrit.

20 - 24 Januari 2019

**Bilik Kuliah Al Ghazali,
CREaTE**



Kursus Pemeriksaan Dan Penilaian Struktur Bangunan

Objektif kursus:

- i. Menjalankan pemeriksaan dan membuat penilaian kerosakan pada struktur bangunan.
- ii. Mengenalpasti keretakan struktur dan bukan struktur.
- iii. Mengenalpasti ujian bahan, ujian musnah dan tanpa musnah pada konkrit.

13 - 15 Februari 2019

Bilik Kuliah Al Haitam, CREaTE



Kursus Rawatan Lokasi Kerap Berlaku Kemalangan (Blackspot)

Kursus ini diadakan bagi memberi pendedahan kepada pegawai dan kakitangan JKR tentang skop permasalahan lokasi Blackspot dan cadangan rawatan di lokasi berkenaan.

13 - 14 Jun 2019

Bilik Kuliah Al-Batani, CREaTE





Kursus Penjadualan Projek Modul 1 (Schedule Development & Control) Sesi 1/2019

Objektif kursus:

- Memberi pengenalan asas kepada teknik penjadualan projek menggunakan Ms Project.
- Memberi latihan dan pendedahan kepada pegawai dan kakitangan JKR bagi mengaplikasikan perisian MS Project dalam pengurusan projek di peringkat pembinaan.

**18 - 20 Februari 2019
Makmal komputer Petabyte, CREaTE**

Kursus Risk Practitioner Sesi 2/2019

Kursus diadakan bertujuan untuk memantapkan pengetahuan, kefahaman dan aplikasi terhadap prosedur-prosedur pengurusan risiko jabatan di kalangan pegawai dan staf JKR khususnya mereka yang terlibat secara langsung dalam pengurusan projek JKR.

**10 - 11 September 2019
Makmal Komputer Gigabyte, CREaTE**

Kursus Pengenalan Penggunaan Chassis Dynamometer Kepada Prestasi Kenderaan

Kursus ini dilaksanakan secara teori dan amali. Kursus ini bertujuan memberi pendedahan kepada Pegawai Kenderaan dan Pemandu terhadap kaedah serta teknik ujian keupayaan kenderaan menggunakan Chassis Dynamometer.

**18 - 20 April 2019
Bilik Kuliah Al-Farghani, CREaTE**

Kursus Rekabentuk Sistem Saliran & SPAH Untuk Projek Bangunan

Objektif kursus:

- i. Mendedahkan pengetahuan mengenai sistem saliran.
- ii. Mendedahkan pengetahuan mengenai MSMA.
- iii. Mengetahui turutan kerja reka bentuk dan langkah demi langkah yang perlu diambil.
- iv. Mengetahui prosidur-prosidur yang perlu dilalui bagi mendapatkan kelulusan daripada JPS.
- v. Untuk memudahkan Jurutera Pereka melaksanakan Reka Bentuk Sistem Saliran untuk projek bangunan yang menepati amalan kod piawaian terkini.

**24 - 25 September 2019
Bilik Kuliah Al Ghazali, CREaTE**



Program Ramadhan: Seminar Melonjak Profesionalisme Dalam Budaya Kerja Warga JKR- Ikhtibar Dari Kisah Sebenar Warga JKR

UNIT ELEKTRIK, BKPAK

**22 Mei 2019
CREaTE**

Seminar yang diadakan pada bulan Ramadhan tahun lepas berkaitan kisah sebenar warga JKR bagi memberikan pendedahan dan kesedaran kepada pegawai tentang pentingnya menerapkan nilai-nilai profesionalisme dalam budaya kerja sehari-hari.





Practical Design Of RC Building With The Application Of Eurocode

Kursus ini bertujuan memberikan pengetahuan asas kepada peserta bagaimana mereka bentuk bangunan konkrit bertetulang yang merangkumi perancangan, penyediaan pelan susun atur struktur serta pengiraan dan perincian elemen asas struktur. Kursus ini dilaksanakan secara teori dan praktikal di mana para peserta menjalani latihan secara langsung dengan bimbingan dari penceramah dan fasilitator yang berpengalaman.

**17 -19 September 2019
Bilik Kuliah Al Haitam, CREaTE**

Program Pensijilan Kompetensi Pengurusan Projek (PKPP) 2019

Program Pensijilan Kompetensi Pengurusan Projek adalah program pensijilan kepada pegawai-pegawai JKR untuk memenuhi kriteria kompetensi pengurusan projek. Penilaian program ini dibuat berdasarkan kerja berkumpulan, pembentangan individu, peperiksaan dan penilaian khas. Markah lulus bagi tujuan penganugerahan Pensijilan ini adalah:

- Mendapat markah peperiksaan sekurang-kurangnya 50%; dan
- Memperolehi markah keseluruhannya sekurang-kurangnya 70%.

**18 - 29 Mac 2019
Bilik Kuliah Al-Battani, CREaTE**



Kursus Amalan Terbaik Penyeliaan Kerja Bangunan Untuk Penolong Jurutera Awam, Zon Utara Sesi 1/2019

Kursus ini dilaksanakan untuk memberi pengetahuan kepada Pegawai JKR khasnya kumpulan sokongan berkaitan amalan terbaik dalam penyeliaan kerja bangunan. Kursus ini merangkumi topik-topik berikut:

1. Peranan dan tanggungjawab pegawai tapak bina
2. Penggunaan SPB dalam kerja penyeliaan tapak
3. Asas pentadbiran kontrak
4. Pengenalan kejuruteraan awam – sistem saliran
5. Pengenalan kejuruteraan awam- sistem pembentungan
6. Pengenalan kejuruteraan awam – sistem penuaian air hujan
7. Pengenalan kejuruteraan awam – kerja tanah/asas/struktur

**7 - 9 Oktober 2019
Dewan Persidangan, JKR Kedah**



Kursus Pensijilan Pentadbiran Kontrak (Tahap 2)

Program Pensijilan Pentadbiran Kontrak ini adalah program di mana Juruukur Bahan akan melalui proses petaulahan bagi mereka yang mempunyai pengalaman dan kepakaran dalam pentadbiran Kontrak Kerajaan seperti yang disyaratkan dan menepati piawaian pensijilan.

Melalui petaulahan ini, Juruukur Bahan akan lebih berperanan dalam melaksanakan tanggungjawab profesional dan seterusnya membantu Jabatan dalam memberikan nasihat berkaitan pentadbiran kontrak.

**26 - 28 Februari 2019
Bilik Kuliah Al-Razi, CREaTE**



Kursus Pensijilan Tuntutan Kontrak (Tahap 2)

Program Pensijilan Tuntutan Kontrak menawarkan pensijilan kepada Juruukur Bahan yang berpengalaman dalam mengendalikan tuntutan di sepanjang perkhidmatan sebagai Juruukur Bahan.

Melalui petaulahan ini, Juruukur Bahan akan lebih berperanan di dalam melaksanakan tanggungjawab profesional dan seterusnya membantu Jabatan dalam memberikan nasihat berkaitan tuntutan kontrak Kerajaan seperti tuntutan kerugian dan perbelanjaan tambahan akibat lanjutan masa dan tuntutan-tuntutan lain berkaitan dengan kontrak.

**13 - 15 Februari 2019
Bilik Kuliah Al-Battani, CREaTE**

Kursus Penyelenggaraan Dan Pemanduan Bas SCANIA

Memberi pendedahan secara amali dan teori tentang operasi penumpang, garis panduan dan peraturan bagi mengendali kenderaan SCANIA dari pihak pengilang, mengenalpasti dan cara mengatasi sebarang kemungkinan berlakunya kecemasan semasa pemanduan dan mengajar teknik pemanduan dan pengendalian kenderaan dengan betul.



**17 - 19 September 2019
Bilik Kuliah Al- Jazzar, CReaTE**

Kursus Pengurusan Penyenggaraan Jambatan (Asas) – Modul 1 & 2 – Sesi 2

Kursus ini diadakan bertujuan untuk memenuhi keperluan semua kakitangan kerajaan (pemilik, pengurus dan pengendali aset) yang terlibat secara langsung menguruskan penyenggaraan jambatan.

**7 - 8 Ogos 2019
Bilik Kuliah Al-Ghazali,
CReaTE**



Kursus Pemasangan Jambatan Panel Keluli Bermodular untuk JKR Negeri/Daerah

Kursus ini diadakan bertujuan untuk meningkatkan ilmu pengetahuan dan pengalaman berkaitan kaedah pemasangan jambatan panel keluli bermodular mengikut garispanduan yang ditetapkan serta memberi pendedahan terhadap peraturan serta keselamatan dan perkara-perkara yang berkaitan di tapak kerja. Ia juga bertujuan untuk melahirkan tenaga kerja yang terlatih dan berkemahiran tinggi dalam mengendalikan pemasangan jambatan panel keluli bermodular.

**25 - 29 Mac 2019
Stor Mekanikal, JKR Melaka**



Kursus Pembaikan Transmisi Manual Cekam Dan Automatik Bagi Zon Selatan

Kursus ini dibuat melalui kaedah penyampaian maklumat teori dan amali oleh penceramah di dalam bilik latihan dan praktikal di woksyop bagi melihat keberkesanan input dan output pada setiap peserta.

**10 - 12 September 2019
JKR CKM Johor**



Sistem Pengurusan Bersepadu (Senggara) - SIRI 1

Kursus diadakan bertujuan untuk memberi pengenalan asas kepada Sistem Pengurusan Bersepadu dalam spesifikasi senggara (modul pertengahan) ini memberi latihan dan pendedahan kepada pegawai & kakitangan JKR dalam Sistem Pengurusan Aset.

**14 - 15 Julai 2019
Bilik Kuliah Al-Kindi, CREaTE**



Kursus Persediaan Bencana / Pacuan Empat Roda Tahun 2019

Peserta dapat memahami cara-cara mengendali teknik pemanduan pacuan empat roda dengan kaedah yang betul dan kaedah penggunaan peralatan bantuan dan sokongan yang diperlukan ketika kenderaan tersangkut di perjalanan off road.

Kursus dilaksanakan secara teori dan amali. Pembelajaran amali dibuat secara berkumpulan bagi menanam semangat bekerjasama selain memupuk sifat berani, berdisiplin dan berdikari ketika berhadapan dengan pelbagai halangan dan cabaran ketika merentasi laluan off road.

16 - 18 April 2019

Teratak Riverview, Ulu Bernam Tanjung Malim Perak



Kursus Insurans Dalam Kontrak Kerja

Kursus ini bertujuan memberi penerangan dan kefahaman berkenaan jenis-jenis insurans yang digunakan dalam kontrak kerja dan perkara-perkara yang perlu disemak & dititikberatkan sebelum menerima insurans yang dikemukakan.

26 - 27 Mac 2019

Bilik Kuliah Al-Farabi, CREaTE

Kursus Ditamatkan atau Tidak Ditamatkan Dalam Kontrak Binaan?

Kursus ini bertujuan memberikan pendedahan kepada peserta berkenaan proses-proses berkaitan penamatan kontrak berdasarkan borang kontrak JKR. Peserta juga diberikan tunjuk ajar dalam pengiraan kos penamatan kontrak.

23-24 April 2019

Bilik Kuliah Al-Kindi, CREaTE

Kursus P&P Baru Siri 1/2019

Kursus diadakan adalah sebagai satu platform untuk memberikan pendedahan dan pengenalan tentang organisasi Jabatan Kerja Raya (JKR) kepada pegawai P&P Baru. Antara pengisian kursus ini adalah pengenalan kepada organisasi JKR, sistem pengurusan yang digunakan dalam JKR seperti sistem HRMIS, Competency Index (CI), Sistem MyKJ, pengurusan kewangan , sistem SKALA, etika profesionalisme sebagai seorang pegawai JKR ,motivasi semangat berpasukan, dan juga kepimpinan. Kursus telah dihadiri oleh 140 orang pegawai baharu dari pelbagai disiplin.

18 - 22 Februari 2019

Dewan CREaTE



Kursus Prosedur Adjudikasi Kontrak Binaan Dalam Kerajaan

Kursus ini bertujuan memberi penerangan kepada prosedur adjudikasi yang terlibat dengan kontrak binaan kerajaan & pendedahan kepada akta-akta yang berkaitan dengan proses adjudikasi kepada setiap peserta.

29 - 30 April 2019
Bilik Kuliah Al-Farabi, CREaTE



Kursus Pensijilan Ukur Bahan : Pengukuran Kuantiti Kerja Bangunan (Tahap 2)

Program Pensijilan Pengukuran Kuantiti Kerja-kerja Bangunan merupakan proses pentaulihan bagi mereka yang mempunyai pengalaman dan kepakaran di dalam perolehan Kerajaan seperti yang disyaratkan dan menepati piawaian pensijilan.


Melalui pentaulihan ini, Juruukur Bahan / Penolong Juruukur Bahan akan lebih berperanan dalam melaksanakan tanggungjawab profesional dan seterusnya membantu Jabatan dalam memberikan nasihat berkaitan perolehan.

22 - 25 Julai 2019
Bilik Kuliah Al-Kindi, CREaTE

Kursus The Design And Application Of Non-Woven Geotextile High Strength Woven Geo, Geogrid And Existing Road Improvement With Chemical Base Product.

Memahami berkaitan maklumat asas, rekabentuk dan kaedah pemasangan produk-produk geosynthetic.

23 - 24 April 2019
Makmal Penyelidikan Geoteknik, CREaTE



Kursus Soil Strength (Part 1: Unconfined Compressive Strength & Unconsolidated Undrained)

Kursus ini adalah untuk meningkatkan kompetensi pegawai-pegawai makmal berkaitan konsep, cara pengendalian peralatan dan menganalisa ujian-ujian kejuruteraan kekuatan tanah.

**17 - 18 Jun 2019
Makmal Penyelidikan Geoteknik,
BIPPK**



Kursus Field Investigation (JKR Probe, Core Cutter & Sand Replacement).

Kursus ini diadakan bagi memberi pendedahan dan pemahaman berkaitan teori, kaedah pelaksanaan dan menganalisa ujian lapangan geoteknik yang terpilih.

**11 - 12 Mac 2019
Makmal Penyelidikan
Geoteknik, BIPPK**



Kursus Engineering Rock Mechanics: Rock Testing (Part I: Index Test)

Kursus ini adalah untuk meningkatkan kompetensi pegawai-pegawai makmal berkaitan konsep, cara pengendalian peralatan dan menganalisa ujian-ujian asas untuk kejuruteraan batuan.

**27 - 27 Jun 2019
Makmal Penyelidikan Geoteknik,
BIPPK**



Kursus Analisa & Modeling Data-data Siasatan Tapak.

Kursus ini adalah untuk memberi pendedahan dan kefahaman kepada pegawai-pegawai makmal khususnya berkaitan ujian-ujian penyiasatan tapak (Standard Penetration Test (SPT) dan Geofizik). Pegawai juga didedahkan dengan teori, metodologi ujian, memproses dan menganalisa data.

**8 - 11 Julai 2019
UTHM**





PROGRAM CREaTE

PUSAT KECEMERLANGAN KEJURUTERAAN
DAN TEKNOLOGI JKR (CREaTE)

MAJLIS IKRAR BEBAS RASUAH (IBR) CREaTE

Majlis Ikrar Bebas Rasuah (IBR) yang dianjurkan oleh Bahagian Pengurusan Korporat bertujuan bagi meningkatkan kesedaran dan menerapkan nilai integriti kepada warga kerja CREaTE dan seterusnya mampu meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan Kerajaan. Majlis melafaz dan menandatangani IBR disaksikan oleh PKPj Awangkok Ahmad Taufik Putra Awang Ismail, Pengarah SPRM Negeri Melaka. PKPj Awangkok Ahmad Taufik Putra Awang Ismail, Pengarah SPRM Negeri Melaka

**Unit Komunikasi Korporat & Pusat Sumber, BPK
2 Oktober 2019
Dewan CREaTE**



HARI LESTARI CREaTE



Makmal Penyelidikan Senibina BIPPK 7 November 2019

Hari Lestari CREaTE adalah aktiviti tahunan yang disertai oleh semua pegawai CREaTE sebagai salah satu aktiviti pemahaman prinsip kelestarian dan meningkatkan kesedaran kitar semula (recycle) dan guna semula (reuse). Aktiviti utama Hari Lestari 2019 adalah pertandingan berkumpulan untuk merekacipta arca (sculpture) daripada bahan kitar semula, bahan terpakai dan bahan terbuang. Satu taklimat telah diberikan oleh Trash Hero Sdn Bhd yang membekalkan Eco Brick (botol plastik yang dimampatkan dengan plastik) dan peralatan untuk pembinaan sculpture. Terdapat 6 kumpulan dan semua markah telah diberikan oleh para hakim, di mana 50% adalah untuk penggunaan barang terpakai.



Program STEM

(Science, Technology, Engineering & Mathematics)

di SK Tanjung Agas, Pasir Panjang, Port Dickson, Negeri Sembilan



Program STEM (Science, Technology, Engineering & Mathematics) di SK Tanjung Agas, Pasir Panjang, Port Dickson, Negeri Sembilan.

CREaTE telah berjaya melaksanakan Program Khidmat Masyarakat (CSR) iaitu dengan mengadakan aktiviti STEM bersama pelajar-pelajar sekolah SK Tanjung Agas, Pasir Panjang, Port Dickson pada 22 Oktober 2019. Program ini telah disertai oleh warga CREaTE seramai 47 orang peserta di mana aktiviti-aktiviti STEM ini memberi tunjuk ajar dan berkongsi pengalaman yang melibatkan bidang kerja JKR bersama pelajar-pelajar dari Tahun 1 hingga Tahun 6. Pelajar-pelajar ini bermain dengan permainan yang telah dihasilkan oleh warga CREaTE sendiri yang terdiri daripada permainan dalam bidang Seni Bina, Kejuruteraan Awam, Kejuruteraan Elektrik, Kejuruteraan Mekanikal dan Ukur Bahan.



Program STEM ini secara tidak langsung telah mempromosikan bidang-bidang kerja yang dilaksanakan oleh JKR kepada masyarakat melalui pelajar-pelajar ini. Selain itu juga, pelajar-pelajar dapat berkongsi pengalaman dan pengetahuan bersama warga CREaTE yang mempunyai latar belakang kejuruteraan dalam pelbagai bidang. Program ini juga telah membantu pelajar-pelajar dalam pembentukan pembelajaran yang inovatif dan melahirkan kepimpinan yang tinggi dalam diri setiap pelajar-pelajar ini terutama dalam kerja berpasukan.

Hasil Program STEM ini telah memberi pengalaman kepada warga CREaTE mengenai nilai kerja positif, menjalinkan hubungan baik, semangat kerja berpasukan dan kerjasama erat di antara warga CREaTE dengan masyarakat terutama warga SK Tanjung Agas dalam menerapkan Budaya Organisasi Inovatif.

Launching of 'The Foyer CREaTE' - Reimaging CREaTE

Perasmian kawasan The Foyer CREaTE yang direka bentuk dan disiapkan hasil kerjasama kakitangan CREaTE. The Foyer CREaTE ini akan berfungsi sebagai kawasan berkumpul, berehat dan menjana idea inovasi baharu.

**29 November 2019
The Foyer CREaTE**





MAJLIS BACAAN SURAH YASIN WARGA CREaTE

Program mengimarahkan Surau CREaTE, JKR telah diadakan pada 27 September 2019. Program ini turut bertujuan bagi mengeratkan jalinan ukhwah di kalangan warga CREaTE.

**27 September 2019
Surau CREaTE**

Majlis Bacaan Surah Yassin & Al-Kahfi

Majlis Bacaan Surah Yassin & Al-Kahfi sebagai program mengimarahkan Surau CREaTE dan mengeratkan ukhwah di kalangan warga CREaTE.

**29 November 2019
Surau CREaTE**





**MAJLIS
PERSARAAN
DAN
JAMUAN
RAYA 2019**
21 Jun 2019
**Dewan
CREaTE**

Majlis Persaraan dianjurkan bagi meraikan 14 orang pesara CREaTE sebagai tanda penghargaan dan kenangan atas segala khidmat bakti.

Jamuan Raya turut diadakan sempena majlis ini. Program ini mendapatkan sokongan daripada CSSC serta melibatkan kerjasama semua warga kerja CREaTE.





Program “Jom Baca Bersama 10 Minit” Warga CREaTE 2019

Program ini bertujuan mendorong dan meningkatkan kesedaran kepentingan membaca kepada semua rakyat Malaysia, khususnya warga CREaTE. Dimulai dengan langkah awal selama 10 minit sebagai tanda komitmen semua pihak terhadap kepentingan membaca dalam kehidupan dan meneruskan amalan membaca setiap hari.

23 April 2019
Pusat Sumber CREaTE



Program Jom ke Pusat Sumber @ CREaTE

**PERLAWANAN
PERSAHABATAN
ANTARA
PASUKAN JKR
MELAKA DAN
JKR CREaTE
BAGI SUKAN
PING PONG**

14 Februari 2019



HARI SUKAN CSSC 2019

Aktiviti - Aktiviti :

Badminton
Bola Jaring
Futsal
Bola Tampar
Ping Pong
Karom
Dart
Tarik Tali
Larian

27 April 2019



KARNIVAL SUKAN JKR SEMALAYSIA 2019 DI SABAH

Penyertaan CSSC :

Badminton
Bola Jaring
Bola Tampar
Bowling





SIDANG REDAKSI LAPORAN TAHUNAN CREATE 2019

PENYELARAS

Ir. HJH JUNAIDAH BINTI JAAFAR

Ar. RINNA SIOW

EN. MOHD YAZID BIN M. NASIR

EDITOR

Ir. ROSILAWATI BINTI MAZLAN

PN. KHAIRULIDZA BINTI KHALID

EN. MUHAMMAD BADRI BIN ISHAK

PN. NURHAFIZA BINTI JALIL

Dr. NURUL AIN BINTI ABD WAHAB

JAWANTAKUASA

PN. NORSYAZWANI BINTI MOHD ISA

PN. NORLIN BINTI JAMALUDIN

PN. NURHAZLINA BINTI ANNUAR

EN. MOHD SUFEAN BIN NORDIN

PN. ZURIA ZIHANEE BT. MOHD MOHDZIR

PN. NURUL ASYIKIN BINTI HASBOLLAH

EN. MOHAMAD SHARUL EFFIEY BIN MOHD RAPI

EN. MOHD SHAWAL BIN ALIAS

PN. IZMAZURIN BINTI RAMLI

EN. MOKHYDIN BIN ROSMANI

EN. MOHD ZAKUAN BIN ZABRI

PN. NOR AIN BINTI MOHD BAHROR

PN. JAMILAH HALINA BINTI ABDUL HALIM

PN. CHAI SIOK LING

PN. SITI ZAWIYAH BINTI WAHAB

PN. SITI SABARIAH BTE MOHAMED

PN. AZLINA BINTI ZAINAL



**PUSAT KECEMERLANGAN KEJURUTERAAN
DAN TEKNOLOGI JKR (CREaTE)**

Jalan Kemus, Simpang Ampat
78000 Alor Gajah
Melaka Malaysia.

www.createjkr.gov.my

@CREaTEJKR